

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

MAJLIS PELUNCURAN PROJEK
PROGRAM HOMESTAY KAMPUNG
KOPERASI HOMESTAY BUKIT KUDA
LABUAN BERHAD BAGI PROGRAM
SEJATI MADANI - KOPERASI LUAR
BANDAR

14 FEBRUARI 2026 (SABTU)

12.00 TENGAHARI

TAPAK PROJEK, BALAI RAYA KAMPUNG
BUKIT MUDA, SIMPANG DAWAR,
KAMPUNG BUKIT KUDA, LABUAN,
SABAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya kita semua dipertemukan dalam Majlis Peluncuran Projek SejaTi MADANI Koperasi Homestay Bukit Kuda Labuan Berhad.

2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Koperasi Homestay Bukit Kuda Labuan Berhad atas inisiatif dan komitmen tinggi dalam merealisasikan Projek Homestay Kampung yang bukan sahaja dijalankan berteraskan ekonomi komuniti, malah memelihara nilai budaya dan warisan setempat.

Hadirin yang dihormati

3. Kampung Bukit Kuda di Labuan kian berkembang sebagai destinasi homestay berasaskan agro pelancongan yang digerakkan sepenuhnya oleh komuniti di sini. Pendekatan ini memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami kehidupan masyarakat kampung melalui pengalaman sebenar yang dibangunkan oleh penduduk sendiri.

4. Saya dimaklumkan kegiatan ekonomi komuniti di kampung ini turut disokong oleh penghasilan minyak kelapa dara, mee lidi serta penternakan cendawan tiram yang menjadi sumber pendapatan setempat. Aktiviti pelancongan yang dirancang membolehkan pengunjung melihat sendiri proses pengeluaran produk serta penglibatan komuniti dalam menjana ekonomi.

5. Pengalaman pelancong turut diperkaya melalui program interaksi komuniti termasuk aktiviti kebudayaan dan program bersama penduduk kampung. Kejayaan pembangunan komuniti ini turut mendapat pengiktirafan apabila Kampung Bukit Kuda menerima anugerah “Kampung Cemerlang” di peringkat Labuan dan kebangsaan.

Hadirin yang dihormati

6. SejaTi MADANI merupakan inisiatif kerajaan yang memberi fokus kepada pembangunan ekonomi komuniti melalui bantuan kewangan antara RM50,000 hingga RM100,000. Program ini diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai sebahagian usaha memperkukuh kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.

7. ANGKASA sebagai badan koperasi kebangsaan memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan projek koperasi di bawah SejaTi MADANI berjalan secara tersusun dan berimpak. Sokongan dari segi pemantauan, bimbingan serta pembangunan kapasiti menjadi elemen penting dalam memastikan kelangsungan projek.

8. Di bawah inisiatif ini, Koperasi Homestay Bukit Kuda Labuan Berhad menerima dua projek utama iaitu menaiktaraf kemudahan homestay serta penyediaan beca berhias bermotor dengan jumlah peruntukan RM100,000.00. Projek ini dirancang bagi meningkatkan daya tarikan pelancongan komuniti serta memperkukuh sumber pendapatan koperasi.

9. Saya dimaklumkan koperasi kini memiliki lebih 30 unit bilik homestay yang digunakan untuk menerima pelancong. Usaha menaiktaraf kemudahan memberi peluang kepada koperasi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memperluas pasaran pelancongan komuniti di Labuan.

10. Empat buah beca berhias bermotor yang diperolehi menjadi produk pelancongan baharu elemen beca yang diketengahkan dalam projek ini merupakan satu daya tarikan unik yang mencerminkan identiti tempatan dan berpotensi menjadi produk pelancongan ikonik di Labuan.

11. Saya ingin menzahirkan penghargaan kepada ANGKASA Negeri Sabah, agensi-agensi terlibat serta semua pihak yang telah memberikan sokongan padu sama ada dari segi perancangan, khidmat nasihat

mahupun pelaksanaan projek ini. Kerjasama strategik seperti inilah yang menjadi tunjang kejayaan sesebuah koperasi.

12. Saya juga berharap agar pihak koperasi dapat mengurus dan melaksanakan projek ini secara berdaya maju, berintegriti serta berterusan agar manfaatnya dapat dinikmati bukan sahaja oleh ahli koperasi malah oleh seluruh komuniti setempat. Saya percaya pelaksanaan projek ini akan memberi kesan langsung kepada ekonomi setempat melalui peluang pekerjaan, peningkatan aktiviti pelancongan dan pengukuhan jaringan komuniti.

13. Akhir kata, marilah kita terus memperkukuh gerakan koperasi sebagai pemacu ekonomi rakyat selaras dengan aspirasi yang dibawa oleh kerajaan. Maka dengan lafaz

Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Peluncuran Projek SejaTi MADANI bagi Koperasi Homestay Bukit Kuda Labuan Berhad – Projek Homestay Kampung.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.